



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT DATO' SRI HUANG TIONG SII  
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN BUKU  
“SAFEGUARDING WATER QUALITY FOR A SUSTAINABLE  
MALAYSIA”**

**BERSEMPENA DENGAN  
INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION  
& CONFERENCE MALAYSIA (IGEM) 2025**

**15 OKTOBER 2025 (RABU)  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**[SALUTASI MENGIKUT SENARAI KEHADIRAN SEBENAR]**

1. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. **Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam),  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
3. **Yang Berbahagia Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli),  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
4. **Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Serta Tetamu-Tetamu Kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Saya berasa amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama hadirin sekalian pada majlis hari ini yang akan menyaksikan Pelancaran buku ***“Safeguarding Water Quality for a Sustainable Malaysia”*** yang amat bertepatan dengan keutamaan negara dalam melindungi dan memelihara kualiti air.

2. Air adalah nadi kehidupan dan penentu kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, sungai, pantai dan ekosistem marin kita berhadapan dengan ancaman pencemaran, sisa buangan, plastik dan kesan ketara perubahan iklim.
3. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja mengancam biodiversiti, malah memberi impak serius terhadap kehidupan kita, termasuk menjejaskan kesihatan rakyat, keselamatan makanan, kekuatan ekonomi negara dan daya tahan iklim. Kesan-kesan ini secara langsung bertentangan dengan **Matlamat Pembangunan Mampan** yang menjadi matlamat global pada masa kini.
4. Buku ini memaparkan **kemajuan Malaysia dalam pengurusan air**, meliputi strategi-strategi nasional yang pernah dilaksanakan, perkongsian pengalaman oleh negeri-negeri serta pelbagai inisiatif komuniti yang menunjukkan peranan penting rakyat dalam mencegah pencemaran.
5. Selain itu, buku ini juga menekankan **kepentingan pendidikan dan komunikasi**, yang mengingatkan kita bahawa pemeliharaan kualiti air bukan hanya tanggungjawab Kerajaan semata-mata, tetapi tanggungjawab bersama yang memerlukan kesedaran, penglibatan aktif dan kepemimpinan di setiap peringkat masyarakat.

Hadirin yang saya muliakan,

6. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan kelestarian sumber air negara kita. Usaha ini melibatkan

**pelbagai inisiatif strategik** yang bertujuan untuk memperluaskan liputan pemantauan kualiti air di seluruh negara, dari sungai-sungai utama hingga ke kawasan tadahan air yang kritikal.

7. Selain itu, Kerajaan juga sentiasa **memperkuh aspek penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan pencemaran serta pengurusan sumber air**. Ini termasuklah peningkatan kekerapan aktiviti penguatkuasaan, pengenaan denda yang lebih tegas dan pelaksanaan tindakan undang-undang terhadap pihak-pihak yang didapati mencemarkan atau menyalahgunakan sumber air.
8. NRES turut memberikan penekanan yang besar terhadap **peningkatan kolaborasi dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan**. Ini termasuklah penyelidik-penyelidik dari institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan, yang mana kepakaran mereka amat berharga dalam menghasilkan inovasi teknologi dan penyelesaian lestari untuk cabaran pengurusan air.
9. **Kerjasama dengan pihak industri** pula akan mempromosikan amalan terbaik dalam pengurusan sisa buangan dan penggunaan air yang cekap, manakala penglibatan komuniti setempat akan meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan serta kelestarian sumber air di kawasan masing-masing.
10. Melalui **pendekatan holistik dan bersepadu** ini, Kerajaan berharap dapat memastikan sumber air negara terus lestari untuk generasi masa kini dan akan datang.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta semua penulis atas kejayaan menghasilkan rujukan penting ini. Karya ini adalah bukti nyata bahawa dasar, sains dan masyarakat boleh bekerjasama untuk mencari penyelesaian yang berkesan demi Malaysia yang lestari.

12. Sehubungan dengan pelancaran buku ini, saya menyeru semua pihak, termasuk penggubal dasar, pemimpin, industri, ahli akademik dan masyarakat untuk memanfaatkan ilmu yang terkandung di dalamnya sebagai panduan dan inspirasi.

13. Marilah kita berganding bahu memastikan sumber air Malaysia kekal bersih, sihat dan lestari demi generasi akan datang.

14. Dengan penuh sukacita, saya dengan ini merasmikan **Pelancaran Buku *Safeguarding Water Quality for a Sustainable Malaysia***.

Sekian, terima kasih.